

20 OCT 2001

Mustapa-Melayu

SURVIVAL BANGSA MELAYU DITENTUKAN KUASA EKONOMI

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Bangsa Melayu perlu menguasai ekonomi kerana analisis mendapati kuasa ekonomi lebih penting daripada kuasa politik dalam menentukan survival sesuatu bangsa dan negara.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed berkata penguasaan ekonomi bangsa Melayu juga bagi memastikan tuntutan fardhu kifayah Islam tidak terlepas.

"Perjalanan masih jauh, perjuangan kita masih belum selesai tetapi baru bermula," katanya ketika membentangkan kertas kerja "Ekonomi: Membina Bangsa Melayu Gemilang" pada seminar Membina Bangsa Melayu Gemilang anjuran Pertubuhan Kelab-kelab Alumni Umno Luar Negara di sini, hari ini.

Mustapa berkata teknologi maklumat perlu dikuasai kerana tanpa pengetahuan itu, ekonomi moden akan terus dimiliki pihak lain.

Katanya penguasaan ekonomi oleh orang Melayu boleh dicapai sekiranya mampu membangun dan membina usahawan Melayu yang mempunyai daya tahan serta daya saing dengan jumlah yang ramai.

Bagaimanapun, katanya pencapaian orang Melayu dalam ekonomi masih rendah seperti yang dilaporkan majalah "Malaysian Business" pada Februari lepas.

Daripada 20 tokoh paling kaya di Malaysia yang disenaraikan majalah itu, hanya tiga orang sahaja dari kalangan usahawan Melayu. Selain itu, terdapat 22,938 kontraktor Bumiputera tetapi kebanyakannya adalah dalam Kelas F.

Mustapa berkata pencapaian yang selalu menjadi tanda aras ialah bilangan profesional Melayu dibandingkan kaum lain dan pada 1999, hanya 28.9 peratus di kalangan profesional adalah Bumiputera.

Beliau berkata dekad pertama abad ini sangat mencabar kepada seluruh penduduk dunia akibat daripada ekonomi yang tidak menentu termasuk sejak peristiwa serangan terhadap Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas.

"Namun jika kita bersatu padu menyokong langkah-langkah pemulihan sebagaimana yang diumumkan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) pada Belanjawan 2002 semalam, Insha-Allah ekonomi negara akan mampu bertahan," katanya.

Katanya pelbagai peruntukan dan langkah konkrit dimasukkan dalam Belanjawan itu bagi memantapkan ekonomi negara semasa menghadapi masalah kegawatan.

Mustapa juga mencadangkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) khususnya Pertubuhan Alumni Kelab-kelab Umno Luar Negara supaya menubuhkan Urusetia Pemantauan Ekonomi Melayu.

Katanya urusetia itu berfungsi mengumpul maklumat dan membantu keberkesanan pelaksanaan dalam negara, yang masih banyak perlu dibaiki, bagi memastikan agenda ekonomi Melayu terus berkembang dan mantap.

Urusetia itu juga wajar menggabungkan NGO lain dengan mendapatkan peruntukan daripada syarikat milik Melayu yang telah berjaya hasil daripada dasar bantuan kerajaan, katanya.

Beliau meminta usahawan Melayu yang memiliki syarikat yang didaftarkan di Bursa Saham Kuala Lumpur, kontraktor berwibawa dan tulen serta usahawan multinasional yang bertapak lama supaya membantu bangsa Melayu lain.

"Mereka wajar melaksanakan tanggungjawab sosial dan menyatakan kesyukuran terhadap segala bantuan kerajaan selama ini kerana boleh dikatakan tidak ada seorang Melayu pun yang boleh berjaya tanpa bantuan kerajaan.

"Paling tidak pun mereka mendapat rahmat dalam suasana perniagaan yang stabil akibat iklim politik dan sosial negara yang aman dan harmoni," katanya.

-- BERNAMA
RZS KHY NAK